

**Ketua Boustead Puji Kepimpinan Najib
Bernama
17 April, 2013**

KUALA LUMPUR, 17 April (Bernama) -- Kepimpinan cemerlang Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak telah mendorong Malaysia dalam usaha negara mencapai status negara maju menjelang 2020.

Pengerusi Al-Hadharah Boustead REIT Tan Sri Lodin Wok Kamaruddin berharap kerajaan Barisan Nasional di bawah kepimpinan Najib akan diberikan mandat baharu dalam Pilihan Raya Umum ke-13 untuk menerajui negara selama lima tahun lagi kerana beliau telah menjalankan tugas dengan cemerlang dalam mengubah ekonomi negara.

"Sebagai entiti korporat, kami mahu melihat persekitaran politik yang stabil di negara ini, kepimpinan yang kukuh dan kesinambungan pelbagai program ekonomi oleh kerajaan sekarang untuk memastikan bahawa agenda transformasi negara kepada status negara maju menjelang 2020 boleh dicapai.

"Jika boleh, bukan 2020, tetapi lebih awal," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat agung tahunan syarikat itu di sini Rabu.

Lodin, yang juga naib pengerusi dan pengarah urusan kumpulan Boustead Holdings Bhd, berkata Najib juga telah mengubah syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC) menjadi peserta pasaran serantau dan global.

"Sebagai satu daripada program transformasi, GLC termasuk Boustead, telah mendapat banyak manfaat daripada Program Transformasi Ekonomi dan banyak inisiatif lain yang disediakan oleh kerajaan.

"Pemantauan teliti oleh perdana menteri sendiri untuk memastikan semua program dilaksanakan dengan betul, adalah sejajar dengan program transformasi kerajaan sendiri, dan saya rasa ini bagus untuk kita dan ekonomi negara.

"Oleh itu, kami tentunya mahu melihat kesinambungan pelbagai program transformasi yang dijalankan di bawah kepimpinan Datuk Seri Najib," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=942793>